

PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 19/2015

Ketua Jabatan/PTJ/ Unit
Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**JADUAL PENUTUPAN AKAUN PUSAT PERUBATAN UKM BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan pekeling Kewangan bil 14/2015, pekeling kewangan bil. 17/2015 serta surat Jabatan Kewangan rujukan UKM.HTM.3/154/22 Jld 2 adalah berkaitan. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan akan memulakan proses penutupan akaun tahun berakhir 31 Disember 2015.

2. Pekeling ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti dan proses kewangan utama yang perlu diikuti oleh semua pusat tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan laporan kewangan dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

TARIKH AKHIR URUSNIAGA TAHUN 2015

3. Proses penutupan akaun universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 akan dilaksanakan dengan menggunakan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST) dan sistem PA CHETS. Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua PTJ diminta mengikut jadual berkaitan urusan perolehan, pembayaran bil-bil tahun 2015 seperti berikut:-



Urusan Perolehan

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Kewangan tahun 2015	7 Disember 2015 (Isnin)
2	Tempahan Peruntukan yang tidak sempat dikeluarkan Pesanan Rasmi (PR) dalam tahun 2015 perlu dibatalkan dan ditamatkan	09 Disember 2015 (Rabu)
3	Tarikh Akhir penamatan Pesanan Rasmi (PR) oleh Jabatan Kewangan tahun 2015	24 Disember 2015 (Khamis)

Urusan Pembayaran

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir terima Arahan Pembayaran berserta bil atau invoice oleh Jabatan Kewangan untuk kelulusan Daftar Bil	21 Disember 2015 (Isnin)
2	Tarikh akhir menyediakan baucer bayaran tahun 2015 (bagi memastikan cek dan EFT disediakan sebelum 31 Disember 2015)	30 Disember 2015 (Rabu)
3	Tarikh akhir meluluskan Daftar Bil oleh Jabatan Kewangan	31 Disember 2015 (Khamis)
4	Tarikh akhir menyediakan cek dan EFT bagi baucer tahun 2015	31 Disember 2015 (Khamis)


Urusan Inden Barang Stor

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir pengesahan permohonan barang Stor Pusat menggunakan aplikasi e-Inden	08 Disember 2015 (Selasa)
2	Aplikasi e-Inden ditutup mulai 09 Disember 2015 sehingga 01 Januari 2016	09 Disember 2015 (Rabu)
3	Aktiviti pengeluaran barang akan dihentikan mulai 21 Disember 2015 sehingga 31 Disember 2015	21 Disember 2015 (Isnin)

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Jabatan/PTJ/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,



NORINI BT MOHAMAD

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

PPUKM

- s.k:
- Dekan dan Pengarah, Pusat Perubatan UKM
 - Ketua Pegawai Operasi, Pusat Perubatan UKM
 - Timbalan Dekan (Perkhidmatan Klinikal), Pusat Perubatan UKM
 - Timbalan Dekan (Siswazah dan Hubungan Antarabangsa), PPUKM
 - Timbalan Dekan (Prasiswazah dan Alumni), PPUKM
 - Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), PPUKM
 - Fail Edaran